

# **KEBERKESANAN FORUM SEBAGAI SATU ALTERNATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN EKONOMI - SATU KAJIAN.**

**Oleh**

Yeap Hock Kong, Lee Quit Huei, Sarina Ayu binti Mohd Radzi, Hong Huey Ling

Unit Ekonomi, Jabatan Sastera Ikhtisas

Kolej Matrikulasi Perak

## **ABSTRAK**

*Ketidakupayaan pelajar mengaplikasikan konsep yang telah dipelajari untuk menjawab soalan dan kurang minat terhadap pembelajaran matapelajaran itu menyebabkan pelajar kurang motivasi untuk membuat persediaan menghadapi peperiksaan. Ini merupakan satu cabaran kepada pensyarah supaya mereka tidak hanya menyampaikan bahan pengajaran melalui kuliah atau perbincangan di tutoran dengan kaedah yang konvensional, tetapi perlu menggunakan pelbagai kaedah pengajaran untuk menggerak minda pelajar dan merangsangkan pelajar untuk menimba ilmu. Sebagai satu usaha untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran, Unit Ekonomi KMPk telah menganjurkan satu pertandingan Forum untuk memotivasikan pelajar supaya mereka mendapati konsep-konsep yang telah dipelajari adalah relevan dengan kehidupan seharian mereka dan seterusnya merangsang minat pelajar untuk terus menimba ilmu khususnya ilmu ekonomi di luar bilik darjah. Pertandingan Forum itu disusuli dengan satu kajian tindakan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti keberkesanan Forum sebagai satu alternatif pengajaran dan pembelajaran Ekonomi. Sampel kajian ini melibatkan 48 pelajar daripada jurusan perakaunan Kolej Matrikulasi Perak sesi 2007/2008 yang terlibat secara langsung dalam pertandingan forum. Dapatan kajian menunjukkan forum telah mendapat respon yang positif di kalangan pelajar. Pendekatan forum telah meningkatkan kemahiran pelajar untuk mengaitkan isu-isu semasa untuk menerangkan sesuatu fakta yang telah dipelajari dan menggalakkan kerjasama di kalangan pelajar untuk menyelesaikan sesuatu masalah, serta meningkatkan kemahiran berinteraksi dan membina keyakinan diri pelajar.*

## PENGENALAN

Pengajaran pensyarah dikatakan berkesan apabila pelajar-pelajar yang diajarnya telah belajar sesuatu daripada apa yang disampaikan oleh pensyarah berkenaan. Manakala, pembelajaran hanya berlaku apabila terdapat sesuatu perubahan pada tingkahlaku pelajar setelah pelajar itu mengalami proses pengajaran.

Dalam konteks pembelajaran mata pelajaran ekonomi, matlamat pembelajaran tercapai apabila pelajar bukan sahaja dapat mengulang balik kandungan yang disampaikan, malahan konsep-konsep yang dipelajari boleh dinyatakan dan diuraikan dalam perkataan pelajar sendiri itu secara logik dan lancar (Johnston dan James, 2000). Pelajar juga harus mampu mengaplikasikan konsep atau teori yang dipelajari untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan ekonomi. Pelajar perlu menguasai kemahiran untuk mentafsir ekonomi semasa supaya mereka dapat menghubungkan konsep dan prinsip ekonomi dengan kehidupan seharian. Matlamat pembelajaran matapelajaran Ekonomi bukan sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja, tetapi pelajar juga harus dapat mengenalpasti dan prihatin terhadap masalah dan isu ekonomi semasa dan seterusnya mengembangkan minat serta sikap ingin tahu terhadap fenomena ekonomi.

Justeru itu, pensyarah yang efektif perlu mengambil kira kebolehan dan pelbagai latar belakang pelajar untuk merancang pengajaran yang berkesan agar hasil pembelajaran yang dikehendaki dapat dicapai di kalangan pelajar. Keadaan ini bermakna pihak pensyarah perlu menjalankan pelbagai aktiviti kognitif untuk menentukan objektif pengajaran, memilih bahan pengajaran dan mengenal pasti kaedah pengajaran yang sesuai supaya dapat merangsang minat pelajar untuk belajar.

Namun begitu, usaha pensyarah untuk memupuk minat pelajar terhadap pembelajaran matapelajaran ekonomi kerap kali menemui jalan buntu kerana tanggapan pelajar yang salah terhadap mata pelajaran ekonomi bahawa matapelajaran itu susah dan melibatkan banyak graf yang rumit serta konsep-konsep yang sukar difahami.

Keadaan ini merupakan satu cabaran kepada pensyarah supaya mereka tidak hanya menyampaikan bahan pengajaran melalui kuliah atau perbincangan di tutoran dengan kaedah yang konvensional, tetapi perlu menggunakan pelbagai kaedah pengajaran untuk memotivasikan pelajar supaya mereka berminat untuk belajar dan menggalakkan pelajar menerima cabaran untuk terus menimba ilmu di luar bilik darjah.

Unit Ekonomi Kolej Matrikulasi Perak telah menganjurkan satu pertandingan forum sebagai salah satu usaha untuk menangani masalah ini. Melalui pertandingan forum ini, adalah diharapkan pelajar menyedari bahawa pembelajaran ilmu ekonomi bukan sekadar memahami teori atau menghafal dan mengingat konsep semata-mata tetapi pembelajaran ilmu ekonomi juga memerlukan mereka mendekati diri mereka dengan situasi yang berlaku di sekeliling mereka supaya pembelajaran ekonomi menjadi lebih menarik dan realistik.

Berdasarkan latar belakang ini, kajian tindakan ini dijalankan untuk menilai keberkesanan forum dalam pembelajaran ekonomi di kalangan pelajar. Kajian tindakan ini juga bertujuan untuk merintis alternatif yang sesuai untuk memupuk minat pembelajaran Ekonomi di kalangan pelajar dan membetulkan tanggapan pelajar yang salah terhadap pembelajaran Ekonomi.

## **REFLEKSI MASALAH**

Secara umumnya berdasarkan keputusan kuiz atau ujian seperti Ujian Pertengahan Semester yang lalu, pelajar dapat dibahagikan kepada 3 kumpulan:

Kumpulan pertama terdiri daripada pelajar yang cemerlang dalam keputusan UPS iaitu yang mendapat 80-100 markah. Pelajar-pelajar kumpulan ini dapat mengemukakan jawapan yang bermutu tinggi dan mengemukakan idea dan mengaplikasikan teori dan konsep yang sesuai dalam menjawab soalan.

Kumpulan kedua ialah kumpulan pelajar yang sederhana di mana mereka hanya memahami sesetengah konsep dan tidak berupaya menghuraikan sesuatu fakta yang dinyatakan dengan baik.

Kumpulan ketiga ialah kumpulan pelajar yang lemah yang memperlihatkan kelemahan jawapan mereka dalam pemahaman konsep dan teori, dan tidak dapat mengaitkan konsep dan teori yang dipelajari, malahan di kalangan kumpulan ini masih ada pelajar yang tidak dapat memberi definisi bagi konsep-konsep yang mudah.

Antara punca prestasi pelajar yang kurang memuaskan dalam ujian atau peperiksaan ialah pelajar kurang membuat persediaan dan kurang memahami sesuatu konsep. Terdapat juga pelajar yang merungut bahawa walaupun mereka telah berusaha bersungguh-sungguh tetapi masih memperoleh keputusan yang kurang memuaskan. Kumpulan pelajar ini ialah kumpulan yang tidak dapat menghubungkan dan mengaplikasikan teori dan konsep yang dipelajari untuk menjawab soalan. Mereka hanya menghafal sesuatu konsep atau teori dan seringkali tidak dapat menghubungkan teori dan konsep ekonomi yang dipelajari dengan isu-isu semasa.

Tajuk-tajuk perbincangan dalam Pertandingan Forum Ekonomi yang dianjurkan oleh Unit Ekonomi (Rujuk Lampiran 1) adalah berkaitan dengan tajuk-tajuk yang terkandung dalam sukatan pelajaran dan dikaitkan dengan isu-isu semasa. Justeru itu, Forum ini memberi peluang kepada pelajar untuk mentafsir ekonomi semasa dan mengaitkan teori-teori ekonomi yang telah dipelajari dengan kehidupan seharian. Di samping itu, forum ekonomi juga dapat menanam sikap persaingan yang sihat di kalangan pelajar untuk menuntut ilmu dan seterusnya mengembangkan minat serta sikap ingin tahu terhadap fenomena ekonomi.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan kaedah forum dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ekonomi.

Secara khususnya, kajian ini bertujuan

1. Untuk mengenal pasti sambutan pelajar-pelajar terhadap kaedah forum dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Untuk mengenal pasti kebaikan dan kelemahan penggunaan kaedah forum dalam pembelajaran ekonomi di kalangan pelajar.
3. Untuk merintis pendekatan yang baru dalam pengajaran dan pembelajaran ekonomi.

### **Persoalan kajian**

1. Adakah kaedah forum membantu meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran mata pelajaran ekonomi?
2. Adakah kaedah forum membantu pelajar dalam pembelajaran ekonomi?

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Hasil kajian ini mempunyai beberapa kepentingan, iaitu:

1. Dapat membantu pensyarah memperbaiki amalan pengajaran dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.
2. Dapat digunakan untuk merancang aktiviti yang dapat memupuk minat pelajar terhadap matapelajaran Ekonomi.
3. Dapat menilai keberkesanan aktiviti forum yang dianjurkan oleh pensyarah.
4. Dapat menambah ilmu pengetahuan tentang strategi pengajaran dan pembelajaran ekonomi, dan membantu menajamkan kemahiran pensyarah sebagai penyelidik yang kreatif dan kritikal dengan idea-idea yang baru dan sanggup menerima perubahan untuk kebaikan pelajar.
5. Dapat memberi peluang kepada pensyarah menjalan kajian tindakan secara kolaboratif dan menggalakkan pensyarah bertukar-tukar idea tentang masalah-masalah yang dihadapi serta strategi pengajaran yang diamalkan untuk mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran.

### **SOROTAN KARYA BERKAITAN**

Pengajaran merupakan usaha yang diambil oleh guru membantu pelajar memperoleh atau mengubah kemahiran, pengetahuan, sikap, persepsi atau penghargaan (Clark and Starr, 1986). Pengajaran melibatkan tingkahlaku seseorang yang cuba untuk membantu seseorang yang lain untuk mencapai potensi yang sepenuhnya dalam semua aspek (Moore, 2003). Ringkasnya, pengajaran dalam pengertian yang paling umum tetapi bermakna dapat diungkapkan sebagai "teaching makes a difference to the students and to the future" (Sparks-Langer, Starko, Pasch, Burke, Moody and Gardner, 2004, p. 402).

Kaedah "chalk and talk" merupakan kaedah yang dominan dalam menyampaikan ilmu pendidikan ekonomi (Becker dan Watts, 1996). Dapatan kajian Leeds, Sfull dan Westbrook (1999) di Universiti Temple mendapati bahawa pelajar-pelajar tidak seronok dengan kaedah ini. Teknik ini juga tidak signifikan terhadap ujian kefahaman ekonomi di kalangan pelajar. Ketidaksesuaian kaedah pengajaran dan cara pembelajaran akan mengurangkan minat dan motivasi pelajar untuk belajar, khususnya bagi ekonomi (Borg & Shapiro 1996). Oleh yang demikian, pengajaran pensyarah hendaklah mempunyai ciri-ciri yang kreatif, inovatif dan proaktif agar proses pembelajaran yang berlangsung dalam minda dan diri pelajar akan menjadi lebih efektif, efisien, tekal dan berterusan.

Forum merupakan satu sesi perbincangan yang dijalankan secara formal melibatkan beberapa ahli panel untuk mencanai fikiran dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu tajuk. Teknik forum merupakan salah satu aktiviti lisan yang efektif di mana pelajar berkongsi pengetahuan dan pengalaman secara langsung untuk meningkatkan kemahiran menyampaikan idea dan fikiran dengan jelas, objektif, kreatif dan rasional. Forum merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang membolehkan

pelajar memantapkan pemahaman dan penerokaan ilmu pengetahuan di samping dapat mengasah bakat serta kepetahan berbahasa.

Pembelajaran konsteksual adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan seharian pelajar, iaitu pelajar belajar secara menyiasat. Dalam pembelajaran konsteksual, kaitan antara bahan yang diajar mempunyai kaitan secara langsung dan eksplisit dengan kehidupan harian. Forum menyediakan satu platform bagi pensyarah untuk menggunakan pendekatan konsteksual menggalakkan pelajar meneroka ilmu ekonomi untuk memantapkan kemahaman dan menyedari konsep-konsep yang dipelajari berkait rapat dengan kehidupan seharian mereka. Pelajar tidak belajar secara teori sahaja tetapi dapat menghayati kesesuaian pembelajaran Ekonomi dengan kehidupan mereka. Selain daripada buku teks, forum menggalakkan pelajar untuk meneroka dan mencari bahan-bahan yang berkaitan daripada bahan-bahan media lain seperti majalah, akhbar, internet, terbitan berkala yang dapat membantu pelajar memahami subjek ini dengan lebih mendalam.

Perbincangan sesuatu isu semasa forum memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi di antara satu sama lain serta berkongsi maklumat tentang sesuatu topik atau masalah dalam ekonomi dengan tujuan mencapai suatu penyelesaian. Dengan itu, forum telah menggalakkan pembelajaran koperatif. Slavin mendefinisikan pembelajaran koperatif sebagai satu kaedah yang memerlukan pelajar bekerjasama untuk belajar dan bertanggungjawab ke atas pembelajaran rakan-rakan sepasukan mereka selain daripada pembelajaran mereka sendiri (Gan & Noran, 1998). Manakala, Carepreso, Edward & Haggerty, Mark (2000) merumuskan bahawa pembelajaran koperatif dalam pendidikan ekonomi sebagai satu kumpulan kecil yang belajar bersama dan saling membantu antara satu sama lain. Pembelajaran koperatif dalam pendidikan ekonomi untuk memastikan setiap ahli dalam kumpulan dapat meningkatkan kemahiran akademik dan sosial pada peringkat yang maksimum (Johnson dan Halubec, 1993).

Pelajar perlu terlibat secara aktif dalam dalam sesi perbincangan untuk menjayakan forum. Perbincangan memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk mengemukakan idea-idea dan bertukar-tukar pendapat. Pembelajaran aktif yang berorientasikan pelajar merupakan kaedah yang berkesan dalam menyampaikan ilmu ekonomi kepada pelajar. Peluang pembelajaran menjadi sangat terhad apabila pengajar tidak menggunakan teknik pembelajaran yang aktif dan koperatif untuk meningkatkan pencapaian pelajar (Cameron, 1998).

Walaupun pendekatan perbincangan dalam forum dapat merangsang pemikiran dan kefahaman pelajar tetapi penggunaan kaedah ini terdapat beberapa batasan. Antaranya adalah perbincangan dimonopoli oleh beberapa orang pelajar sahaja sedangkan pelajar yang tidak aktif hanya menjadi pemerhati sahaja (Hazri Jamil, 2004)

## **METODOLOGI KAJIAN**

Data bagi kajian yang dilakukan dikumpul dengan mengedarkan borang soal selidik (dilampirkan) kepada pelajar-pelajar yang menyertai pertandingan forum.

Seramai 48 pelajar yang mewakili kumpulan tUTORAN telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam pertandingan forum. Sampel perempuan adalah sebanyak 36 orang

dan sampel lelaki adalah sebanyak 12 orang. Mereka diminta untuk mengisi borang soal selidik sebaik sahaja sesi soal jawab tamat.

Borang soal selidik ini mempunyai dua bahagian :

1. Bahagian A: bahagian ini meliputi maklumat tentang latar belakang responden iaitu jantina, sekolah menengah semasa menduduki SPM serta sama ada responden pernah mengambil Ekonomi Asas di peringkat SPM dan grednya.
2. Bahagian B: Bahagian ini mengandungi 16 soalan berkaitan dengan respon peserta terhadap pertandingan forum itu. Pelajar perlu menjawab soalan-soalan dalam bentuk *Likert Scale*. Pelajar perlu menilai dan memberi jawapan dalam satu hingga lima, di mana 1 mewakili 'sangat tidak setuju', 2 mewakili 'tidak setuju', 3 mewakili 'kurang setuju', 4 mewakili 'setuju' dan 5 mewakili 'sangat setuju'.

Terdapat 6 kriteria dalam soal selidik, iaitu:

1. Forum dapat menimbulkan minat pembelajaran ekonomi di kalangan pelajar. (Soalan 1 dan Soalan 13).
2. Forum dapat memperkembangkan domain kognitif (aras pemikiran reflektif yang tinggi) pelajar. (Soalan 2, Soalan 10 dan Soalan 12).
3. Forum dapat memperkembangkan domain afektif pelajar. (Soalan 3, Soalan 4 dan Soalan 9.)
4. Forum menggalakkan pembelajaran ilmu ekonomi secara mendalam. (Soalan 5 dan Soalan 7.)
5. Forum dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk menyelesaikan masalah. (Soalan 8, Soalan 14 dan Soalan 15)
6. Forum dapat membina kefahaman dan menggalakkan kerjasama dalam kumpulan. (Soalan 4, Soalan 6 dan Soalan 11.)

Data yang dipungut dikod dan diproses dengan menggunakan perisian SPSS versi 11.5. Analisis korelasi juga dibuat antara 6 kriteria yang tersebut di atas.

Data keputusan Ujian Pertengahan Semester dan Peperiksaan Akhir Semester bagi pelajar berkenaan diperoleh daripada Sistem Maklumat Kolej dan perbandingan juga dilakukan.

### **Batasan Kajian**

Dapatan kajian ini hanya terbatas kepada kumpulan sasaran kajian, iaitu 48 pelajar jurusan perakaunan yang menuntut di Kolej Matrikulasi Perak sesi 2007/2008. Data yang diperoleh adalah berdasarkan pilihan responden terhadap borang soal selidik yang disediakan.

## REFLEKSI TINDAKAN

Kajian ini cuba melihat sama ada kaedah forum berkesan dalam pembelajaran ekonomi. Secara keseluruhannya, pelajar memberi respon yang positif terhadap forum yang telah dianjurkan. Hasil kajian (Lampiran) menunjukkan 43.8% daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa forum dalam P&P ekonomi dapat meningkatkan minat mereka untuk belajar ekonomi (Soalan 13). Selebihnya, 43.8% daripada responden hanya bersetuju dengan pernyataan bahawa forum dalam P&P ekonomi dapat meningkatkan minat mereka untuk belajar ekonomi.

Di samping menarik minat, forum juga merupakan satu kaedah pembelajaran yang menyeronokkan. Ini jelas ditunjukkan bahawa lebih 58.3% daripada responden bersetuju dengan pendapat bahawa forum merupakan satu kaedah pembelajaran yang menyeronokkan (Soalan 1). Selebihnya, 27.08% daripada responden sangat bersetuju dan kurang daripada 14.58% daripada responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Data bagi Soalan 1 dan 13 dikod semula (recode) sebagai pemboleh ubah baru 'MINAT' dengan perisian SPSS seperti berikut:

Kod	Kriteria : Minat	Skor
1	Forum menimbulkan minat yang rendah.	2 hingga 7
2	Forum menimbulkan minat yang tinggi	8 hingga 10

### MINAT

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 1.00	11	22.9	22.9	22.9
2.00	37	77.1	77.1	100.0
Total	48	100.0	100.0	

### JADUAL 1

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis statistik deskripsi bagi kriteria sama ada forum telah mewujudkan minat yang rendah atau yang tinggi terhadap pembelajaran ekonomi. Sebanyak 77.1% pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap pendekatan forum.

Selain menimbulkan minat pelajar terhadap pembelajaran ekonomi, hasil kajian juga menunjukkan forum telah memperkembangkan domain kognitif pelajar. Berdasarkan analisis, 45.8% daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa topik perbincangan forum dapat mendorong mereka berfikir secara mendalam tentang isu-isu ekonomi (Soalan 2). Sebanyak 52.1% daripada

responden pula hanya bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hanya 2.1% daripada responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan itu.

Seterusnya, forum dalam P&P ekonomi juga dapat menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada. Berdasarkan analisis, 62.5% daripada responden bersetuju dengan pernyataan bahawa forum dapat menambah ilmu pengetahuan mereka yang sedia ada (Soalan 10). Sebanyak 31.3% daripada responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Selebihnya, hanya sebanyak 6.3% daripada responden kurang bersetuju dengan pernyataan bahawa forum dapat menambah ilmu pengetahuan mereka yang sedia ada.

Di samping menambah ilmu yang sedia ada, forum juga dapat meningkatkan daya kefahaman pelajar tentang sesuatu topik. 58.3% daripada responden bersetuju dengan pernyataan bahawa forum telah dapat meningkatkan kefahaman mereka tentang ilmu ekonomi (Soalan 12). Selebihnya, sebanyak 33.33% daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Hanya 8.3% daripada responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Data bagi Soalan 2, 10 dan 12 dikod semula sebagai pembolehubah 'KOGNITIF' seperti berikut:

Kod	Kriteria : Kognitif	Skor
1	Forum mengembangkan domain kognitif yang rendah.	3 hingga 12
2	Forum mengembangkan domain kognitif yang tinggi	12 hingga 15

#### KOGNITIF

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 1.00	7	14.6	14.6	14.6
2.00	41	85.4	85.4	100.0
Total	48	100.0	100.0	

**JADUAL 2**

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis statistik deskripsi bagi kriteria domain kognitif. Analisis menunjukkan sebanyak 85.4% pelajar menyatakan forum menggalakkan perkembangan kognitif yang tinggi.

Di samping mengembangkan domain kognitif (aras pemikiran yang tinggi) pelajar, forum dalam P&P ekonomi juga dapat mengembangkan domain afektif pelajar. Penggunaan teknik belajar melalui perbincangan dapat menggalakkan pelajar memeriksa pendapat sendiri, menilai pendapat rakan, berinteraksi dengan rakan sekumpulan dan memperkembangkan kemahiran mendengar. Bagi 64.58% responden yang bersetuju

dengan pernyataan bahawa forum dalam P&P ekonomi dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran membenteng idea (Soalan 3). Selebihnya, sebanyak 33.33% daripada responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Kurang 2.08% daripada responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan ini.

Pelajar juga memberi respon yang positif untuk Soalan 4. 52.1% daripada responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa forum dalam P&P ekonomi dapat meningkatkan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi di khalayak umum (Soalan 4). Selebihnya, sebanyak 45.83% daripada responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hanya kurang 2.08% daripada responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan ini.

Selain dari meningkatkan keyakinan pelajar berkomunikasi, forum dalam P&P ekonomi juga dapat membantu pelajar untuk memahami bagaimana pelajar lain menganalisis sesuatu tajuk. Ini jelas ditunjukkan bahawa terdapat lebih daripada 50% responden yang bersetuju bahawa forum dalam P&P ekonomi dapat membantu mereka memahami bagaimana pelajar lain menganalisis sesuatu tajuk (Soalan 9). Sebanyak 20.83% daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini dan hanya 2.1% responden yang tidak bersetuju. Dengan adanya keyakinan untuk memahami dan menganalisis sesuatu topik, maka pelajar akan lebih bersedia untuk membenteng idea masing-masing.

Data bagi Soalan 3, 4 dan 9 dikod semula sebagai pemboleh ubah 'AFEKTIF' seperti berikut:

Kod	Kriteria: Afektif	Skor
1	Forum mengembangkan domain afektif yang rendah.	3 hingga 12
2	Forum mengembangkan domain afektif yang tinggi	12 hingga 15

### AFEKTIF

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 1.00	23	47.9	47.9	47.9
2.00	25	52.1	52.1	100.0
Total	48	100.0	100.0	

**JADUAL 3**

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis statistik deskripsi bagi kriteria domain afektif. Analisis menunjukkan sebanyak 52.1% pelajar menyatakan forum menggalakan perkembangan afektif tinggi.

Berdasarkan analisis, jelas menunjukkan bahawa masing-masing lebih 45.83% daripada responden yang bersetuju dengan pernyataan bahawa forum dalam P&P ekonomi dapat membantu pelajar lebih memahami sesuatu tajuk serta mendorong pelajar mempelajari topik yang dibincangkan (Soalan 5 dan soalan 7). Selebihnya, masing-masing sebanyak 47.92% dan 50.0% daripada responden bersetuju dengan pernyataan bahawa forum

dalam P&P ekonomi dapat membantu mereka memahami sesuatu tajuk serta mendorong mereka untuk mempelajari topik yang dibincangkan. Namun begitu, masing-masing terdapat kurang daripada 4.17% dan 2.08% daripada responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Data bagi Soalan 5 dan 7 dikod semula sebagai pemboleh ubah 'PEMBELAJARAN MENDALAM' seperti berikut:

Kod	Kriteria : Pembelajaran Mendalam	Skor
1	Forum menggalakkan pembelajaran mendalam yang rendah.	2 hingga 7
2	Forum menggalakkan pembelajaran mendalam yang tinggi	8 hingga 10

#### PBLJMDLM

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 1.00	4	8.3	8.3	8.3
2.00	44	91.7	91.7	100.0
Total	48	100.0	100.0	

#### JADUAL 4

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis statistik deskripsi bagi kriteria pembelajaran mendalam. Sebanyak 91.7% pelajar menyatakan forum telah menggalakkan pembelajaran mendalam yang tinggi.

Forum dalam P&P ekonomi juga dapat meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah di kalangan pelajar. Para pelajar dapat mengaitkan serta mengaplikasikan tajuk-tajuk yang dibincangkan dengan realiti kehidupan mereka. Analisis menunjukkan masing-masing 66.8% dan 56.3% daripada responden yang bersetuju bahawa forum dalam P&P ekonomi dapat membantu pelajar mengaplikasikan ilmu ekonomi dalam kehidupan seharian dan juga dapat melatih pelajar mengaitkan teori ekonomi dengan realiti kehidupan (Soalan 14 dan soalan 15). Selebihnya, sebanyak 18.75% dan 37.5% daripada responden masing-masing sangat bersetuju dengan dengan pernyataan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat 14.58% dan 6.25% daripada responden masing-masing kurang bersetuju dengan pernyataan ini.

Berdasarkan analisis, lebih 43.75% daripada responden bersetuju menyatakan bahawa forum dalam P&P ekonomi dapat membantu pelajar membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan akhir (Soalan 8). Hanya 14.58% daripada responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Namun begitu, terdapat lebih 39.58% daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa forum dalam P&P ekonomi dapat membantu pelajar membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan akhir.

Data bagi Soalan 8, 14 dan 15 dikod semula sebagai pemboleh ubah 'PENYELESAIAN MASALAH' seperti berikut:

Kod	Kriteria: Penyelesaian Masalah	Skor
1	Forum meningkatkan keupayaan penyelesaian masalah yang rendah.	3 hingga 12
2	Forum meningkatkan keupayaan penyelesaian masalah yang tinggi.	12 hingga 15

#### SELMESH

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 1.00	24	50.0	50.0	50.0
2.00	24	50.0	50.0	100.0
Total	48	100.0	100.0	

#### JADUAL 5

Jadual 5 menunjukkan hasil analisis statistik deskripsi bagi kriteria peningkatan keupayaan penyelesaian masalah. Hanya 50% daripada pelajar beranggapan bahawa forum meningkatkan keupayaan penyelesaian masalah yang tinggi.

Berdasarkan analisis, forum dalam P&P ekonomi dapat membantu meningkatkan keyakinan diri pelajar serta keyakinan berkomunikasi di khalayak umum (Soalan 11 dan soalan 4). Masing-masing terdapat 58.3% dan 52.1% daripada responden sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa forum dalam P&P ekonomi dapat membantu meningkatkan keyakinan diri pelajar serta keyakinan berkomunikasi di khalayak umum. Selebihnya, masing-masing terdapat 39.58% dan 45.83% daripada responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Di samping itu forum juga memberi peluang kepada pelajar untuk mengeratkan hubungan sesama rakan. Berdasarkan analisis terdapat 58.3% daripada responden sangat bersetuju menyatakan bahawa perbincangan forum dalam P&P ekonomi dapat membantu mengeratkan hubungan sesama rakan (Soalan 6). Selebihnya, sebanyak 33.3% daripada responden bersetuju dengan pendapat tersebut dan hanya 6.3% daripada responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan ini. Data bagi Soalan 4, 6 dan 11 dikod semula sebagai pemboleh ubah 'KERJASAMA' seperti berikut:

Kod	Kriteria : Kerjasama	Skor
1	Forum membina kefahaman dan persetujuan kumpulan yang rendah.	3 hingga 12
2	Forum membina kefahaman dan persetujuan kumpulan yang tinggi. .	12 hingga 15

### KJSAMA

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1.00	13	27.1	27.1	27.1
	2.00	35	72.9	72.9	100.0
	Total	48	100.0	100.0	

**JADUAL 6**

Jadual 6 menunjukkan sebanyak 72.9% pelajar berpendapat forum dapat membina kefahaman dan persetujuan kumpulan yang tinggi di kalangan mereka.

Kesimpulannya, forum dalam P&P ekonomi dapat menimbulkan minat pelajar terhadap subjek ekonomi, dapat mengembangkan domain kognitif dan juga dapat mengembangkan domain afektif di kalangan pelajar. Di samping itu, forum dalam P&P ekonomi juga dapat menggalakkan pembelajaran secara lebih mendalam, meningkatkan keupayaan pelajar dalam menyelesaikan masalah dan juga dapat menggalakkan komunikasi yang membina di kalangan pelajar.

Analisis korelasi secara bivariat dilakukan antara kriteria-kriteria yang tersebut di atas

### Correlations

		MINAT	KOGNITIF	AFEKTIF	PBLJMDLM	SELMSH	KJSAMA
MINAT	Pearson Correlation	1	.336*	.271	.374**	.248	.114
	Sig. (2-tailed)	.	.019	.063	.009	.089	.441
	N	48	48	48	48	48	48
KOGNITIF	Pearson Correlation	.336*	1	.194	.089	.413**	.147
	Sig. (2-tailed)	.019	.	.185	.548	.004	.320
	N	48	48	48	48	48	48
AFEKTIF	Pearson Correlation	.271	.194	1	.013	.459**	.354*
	Sig. (2-tailed)	.063	.185	.	.932	.001	.014
	N	48	48	48	48	48	48
PBLJMDLM	Pearson Correlation	.374**	.089	.013	1	.151	-.184
	Sig. (2-tailed)	.009	.548	.932	.	.306	.211
	N	48	48	48	48	48	48
SELMSH	Pearson Correlation	.248	.413**	.459**	.151	1	.328*
	Sig. (2-tailed)	.089	.004	.001	.306	.	.023
	N	48	48	48	48	48	48
KJSAMA	Pearson Correlation	.114	.147	.354*	-.184	.328*	1
	Sig. (2-tailed)	.441	.320	.014	.211	.023	.
	N	48	48	48	48	48	48

\*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

**JADUAL 7**

Ujian korelasi antara KOGNITIF dengan PENYELESAIAN MASALAH menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan dengan  $r = 0.413$ . Soalan-soalan perbincangan forum bukan sahaja dapat mendorong pelajar mempelajari sesuatu konsep dengan mendalam tetapi juga meningkatkan keupayaan mereka untuk menyelesaikan masalah dan lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan.

Domain AFEKTIF juga menunjukkan korelasi yang positif dengan PENYELESAIAN MASALAH dengan  $r = 0.459$ . Peluang untuk berbincang dan berinteraksi dengan rakan, mendengar pendapat rakan, memeriksa pendapat sendiri serta menilai pendapat rakan dalam domain afektif meningkatkan keupayaan pelajar untuk menyelesaikan masalah atau tugas yang diberikan kepada mereka. Domain AFFEKTIF juga mempunyai hubungan yang positif dengan KERJASAMA ( $r = 0.354$ ).

KERJASAMA dan PENYELESAIAN MASALAH menunjukkan hubungan yang signifikan dengan  $r = 0.328$ . Forum memberi peluang kepada pelajar untuk menyelesaikan sesuatu masalah secara kumpulan. Melalui kumpulan kecil ini, pelajar-pelajar belajar untuk mendengar, melahirkan pendapat masing-masing dan mengambil kira pendapat rakan sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Jadual 8 menunjukkan keputusan Ujian Pertengahan Semester (UPS) dengan Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) Semester 2 Sesi 2007/2008 bagi pelajar yang sama.

Gred	UPS		PSPM	
	Bilangan Pelajar	Peratusan( %)	Bilangan Pelajar	Peratusan( %)
A	20	41.7	29	60.4
A-	10	20.8	10	20.8
B+	5	10.4	6	12.5
B	5	10.4	2	4.2
B-	1	2.1	1	2.1
C+	2	4.2	-	-
C	3	6.3	-	-
C-	1	2.1	-	-
D	1	2.1	-	-
Jumlah	48	100%	48	100%

**JADUAL 8**

Perbandingan keputusan jelas menunjukkan prestasi pelajar dalam PSPM telah meningkat.

## CADANGAN

Berdasarkan penemuan analisa kajian ini, beberapa cadangan telah dibuat:

- i. 'Mini Forum' dalam kelas tutoran

Salah satu sebab pelajar menganggap forum merupakan satu kaedah yang menyeronokkan ialah kerana pelajar berpeluang untuk berbincang antara satu sama lain, mengemukakan idea-idea dan bertukar-tukar pendapat. Perbincangan semasa forum juga memberi peluang kepada pelajar melibatkan diri secara aktif

dalam kelas untuk membincangkan sesuatu tugas atau isu. Oleh itu pensyarah boleh membuat perancangan mengadakan 'Mini Forum' dalam kelas masing-masing untuk menggalakan pembelajaran ilmu ekonomi.

ii. Forum melalui Laman Web

Pengajaran dan pembelajaran tidak seharusnya terbatas di dalam kelas sahaja. Dengan menggunakan teknologi maklumat, perbincangan forum juga boleh diadakan melalui laman web. Pensyarah boleh mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan isu-isu semasa ekonomi dan menggalakkan pelajar memberi komen atau pandangan tentang isu yang dibincangkan. Pelajar juga boleh mengemukakan pertanyaan/ persoalan yang mengenai pembelajaran ekonomi pada bila-bila masa. Seterusnya, masalah tidak dapat bertemu dengan pensyarah dapat diselesaikan dengan menggunakan kaedah forum melalui laman web.

iii. Menggalakkan pembelajaran kontekstual

Pertandingan forum yang dianjurkan telah meningkat minat pelajar terhadap pembelajaran ilmu ekonomi kerana pelajar bukan sahaja belajar ilmu ekonomi secara teori sahaja tetapi mereka juga dapat menghayati kesesuaian pembelajaran ilmu ekonomi dengan kehidupan mereka. Justeru itu adalah dicadangkan pensyarah dapat menyesuaikan bahan pengajaran mereka untuk menggalakkan pembelajaran kontekstual, iaitu mengaitkan bahan yang diajar dengan kehidupan harian pelajar.

## **PENUTUP**

Generalisasi dapatan kajian ini adalah berdasarkan respon 40 sampel pelajar terhadap 16 soalan selidik sahaja. Oleh itu kajian yang lebih menyeluruh perlu dijalankan melibatkan sampel yang lebih ramai dan bilangan soal selidik juga perlu ditambah untuk mendapat gambaran yang tepat.